

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**MAJLIS IFTAR BERSAMA
TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB
CANSOLOR UTeM**

**17 Julai 2014 bersamaan 19 Ramadhan 1435H, 6.30 petang
Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

1. Terlebih dahulu, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob selaku Canselor UTeM ke majlis iftar yang dilangsungkan di bangunan **Masjid Sayyidina Abu Bakar**, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun untuk hadir pada majlis ini, sesungguhnya amat bermakna buat semua warga UTeM. Sesungguhnya keprihatinan yang ditunjukkan oleh T.Y.T. Tun terhadap perkembangan serta menambah meriahkan lagi setiap program Universiti, akan menyemarakkan lagi keazaman seluruh warga untuk terus gigih demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan UTeM.
3. Seterusnya saya memohon keizinan daripada Tuan Yang Terutama Tun untuk berucap kepada hadirin sekalian.

A) SALUTASI

- i. YAB Datuk Seri Ir. Dr. Hj. Idris bin Hj. Haron
Ketua Menteri Melaka dan isteri
- ii. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr Johari bin Mat,
Pro Canselor UTeM dan Isteri
- iii. Y.Bhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh,
Pro Canselor UTeM dan Isteri
- iv. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin
Laidin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan isteri

- v. Yang Berhormat Datuk Ab. Wahab bin Ab. Latip
Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri. ADUN Durian
Tunggal

- vi. Yang Berhormat Tuan Haji Md Rawi bin Mahmud
Timbalan EXCO Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan
Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi

- vii. Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti

- viii. Dif-Dif Kehormat, Timbalan-Timbalan Naib Canselor,
Penolong Naib Canselor

- ix. Pegawai-pegawai Kanan Universiti

- x. Wakil-wakil Jabatan dan Kesatuan
- xi. Majlis Perwakilan Pelajar
- xii. Pihak media, warga UTeM seterusnya para penerima sumbangan yang diraikan di Majlis Iftar pada hari yang barakah ini.

B) PEMBUKA KATA

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan besar kekasih yang tercinta Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan sahabat baginda. Mari kita merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang mengizinkan kita di malam ke 20 Ramadhan, dalam Majlis Iftar bersama T.Y.T Tun Canselor untuk berhimpun, berbuka bersama seterusnya beribadah secara berjemaah di dalam masjid yang serba suci dan indah ini.
2. Kesudian semua Dif-dif kehormat serta tetamu jemputan hadir bersama sudah pasti menguntum bahagia serta menambah seri majlis iftar ini, di bulan Ramadhan yang amat istimewa

kepada umat Islam kerana waktu malam dan siang
menyajikan pelbagai keberkatan, yang perlu umat Islam kejar
serta mengambil kesempatan.

Hadirin yang dirahmati Allah,

3. Penganjuran Majlis Iftar merupakan medium yang dapat dimanfaatkan bagi merapatkan hubungan silaturahim antara sesama kita sebagai umat Islam, apatah lagi dalam bulan Ramadhan yang penuh keberkatan dan keampunan daripada Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

4. Majlis Iftar bersama Tun Canselor ini adalah merupakan sebahagian dari aktiviti yang telah dirancang bagi sambutan Ramadhan peringkat UTeM 1435H. Ia merupakan acara tahunan yang sudah termaktub di dalam takwim Universiti.

5. Berdasarkan kepada kelebihan Ramadhan, maka pada setiap tahun kehadirannya, pelbagai aktiviti dianjurkan di peringkat universiti bagi menghidupkan bulan yang mulia ini. Pengisian program Ihya' Ramadhan di UTeM telah pun bermula sejak awal Ramadhan sehingga ke penghujung bulan mulia ini. Acara tahunan ini sememangnya telah diteruskan dengan pelbagai aktiviti mengimarah masjid yang diterajui oleh Pusat Islam bersama Fakulti, Pusat dan Pejabat Pentadbiran. Antara program yang dianjurkan adalah penggiliran memasak bubur

lambuk, Majlis Iftar Jama'i peringkat Pusat Tanggungjawab, program tazkirah di masjid dan Pusat Tanggungjawab, aktiviti bertadarus, kuliah, kuiz, i'tikaf dan Qiamullail terus dilaksanakan bagi mengimarahkan lagi bulan Ramadhan yang mulia ini. Diharapkan, menerusi program sebegini akan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan, memperkukuhkan akidah diri dan merapatkan lagi hubungan silaturrahim antara staf dan pelajar UTeM serta warga luar.

T.Y.T Tun, Hadirin hadirat sekalian,

6. Izinkan saya berkongsi sedikit berkaitan kelebihan dan keistimewaan bulan Ramadhan yang dilipatgandakan pahala oleh Allah S.W.T. Antara hadis yang menceritakan mengenai kelebihan bulan yang mulia ini, adalah:

- Dari Abu Hurairah r.a., berkata Rasulullah S.A.W. bersabda: "Apabila masuk bulan Ramadhan, terbukalah pintu-pintu rahmat dan tertutuplah pintu-pintu neraka serta terbelengguhlah syaitan-syaitan daripada merasuk mangsanya" -Hadith Sahih - Riwayat Muslim;
- Kelebihan bulan Ramadan yang teragung adalah dengan adanya malam Lailatul Qadar yang dirahsiakan, yang mana keampunan dan pahala serta darjat dan darjah tertinggi akan diperoleh bagi mereka yang berjaya mendapatkan malam ini dengan dipenuhi amal ibadah dan bertaqwa kepada Allah, di samping sembahyang sunat, istiqfar, tasbih dan berzikir sepenuhnya.

- Ibadah puasa juga menggalakkan sifat bantu-membantu melalui amalan sedekah yang bertujuan untuk meringankan beban masyarakat Islam yang kurang berkemampuan bersesuaian dengan hadis Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a yang bermaksud *Rasulullah s.a.w adalah manusia yang sangat pemurah dan Baginda akan menjadi lebih pemurah pada bulan Ramadhan. Dan Baginda lebih pemurah dalam kebaikan daripada angin yang kencang.*

(Riwayat Bukhari)

TYT Tun, hadirin hadirat sekalian,

7. Hakikat Ramadhan sebagai hadiah daripada Maha Pencipta yang menjanjikan kebaikan dan harapan daripada Allah SWT, kepada hamba yang menagih rahmatNya saban tahun. Dalam meningkatkan usaha menggandakan nilai taqwa kepadaNYA, umat Islam diseru untuk tidak lupa menyemai semangat berkorban di jalan Allah, selain menjaga kebajikan dan kepentingan ummah.

8. Justeru itu, seramai 82 orang penerima sumbangan yang terdiri daripada pelajar UTeM yang kurang berkemampuan dan anak yatim, Anak Yatim dan miskin daripada Sekolah Kebangsaan Bachang, anak Yatim di kalangan anak-anak staf UTeM yang kurang berkemampuan serta Ibu Tunggal akan

13

menerima sumbangan pada majlis hari ini. Semoga menerusi sumbangan yang diberikan ini dapat meringankan bebanan bagi menyambut Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi di samping dapat mengeratkan lagi hubungan sesama insan selain memupuk nilai kasih sayang, saling membantu dan hormat-menghormati demi mencapai keredhaan Allah.

9. Bagi pihak Pengurusan Universiti, saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah sudi membantu dan menghulurkan sumbangan seperti Tabung Amal Jariah UTeM, PUSPANITA dan Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUTeM).

Hadirin yang dihormati,

10. Dalam suasana keamanan dan kemakmuran kita melaksanakan ibadah di dalam bulan Ramadhan ini, penderitaan dan kesengsaraan saudara kita di Palestin tidak pernah dilupakan. Dunia terus dikejutkan dengan peristiwa berdarah tanpa kemanusiaan serangan tentera rejim Zionis terhadap penduduk Semenanjung Gaza.
11. Sama ada sedar atau tidak keseluruhan masyarakat dunia menunjukkan hasrat untuk bekerjasama menyelesaikan konflik Israel-Palestin yang sehingga kini telah mengorbankan ribuan nyawa orang awam yang tidak berdosa terutamanya kanak-kanak.

12. Tiada apa yang mampu kita lakukan, selain berdoa dan berharap agar kekejaman ini akan segera berakhir. Agar tiada lagi esak tangis anak-anak kecil yang tidak berdosa menahan kesakitan bedilan peluru, agar tiada lagi golongan wanita yang menjadi korban, agar tiada lagi setitis darah yang tidak berdosa mengalir ke bumi.
13. Bagi mengurangkan penderitaan mereka, kami di UTeM telah menubuhkan tabung khas Bantuan Rakyat Palestin yang bakal dilancarkan oleh TYT Tun pada petang ini untuk mengumpul dana dan sumbangan ikhlas dari kalangan staf, pelajar UTeM serta rakan-rakan industri kerana hanya melalui cara ini, bantahan dan suara kita mampu disalurkan.

14.Semoga melalui cara kita yang tidak seberapa ini juga, akan memberi sedikit sinar untuk saudara-saudara seIslam di Palestin.

C) PENUTUP

15.Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Pusat Islam juga ahli-ahli jawatankuasanya di atas komitmen tinggi menyatu idea, menyempurnakan tugas bagi menzahir upacara seterusnya memastikan majlis terlaksana dengan lancarnya sepertimana yang dirancang awal.

16. Tidak dilupakan, penghargaan dan terima kasih kepada para tetamu yang telah sudi hadir memeriahkan lagi majlis kami pada kali ini. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat meneruskan ibadat puasa dengan azam dan tekad untuk menjadikannya yang terbaik mungkin dan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Azan aulia sungguh terasa
Melangkah menyisip indah suasana
ramadhan mulia meruntuh dosa
Barakah menitip ibadah sempurna

Purnama sunyi menongkah jalan
Diseberang paya kelam meniti
Derma sembunyi sedekah amalan
Terang cahaya di alam pasti

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.